

29 MAY 2003

LEAD MAHATHIR-PAKEJ

PAKEJ EKONOMI BUKAN BERTUJUAN MEMPOPULARKAN KERAJAAN, DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 29 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan pakej ekonomi RM7.3 bilion yang diumumkan baru-baru ini adalah berhemat dan bukan bertujuan mempopularkan kerajaan.

Beliau berkata, ia dirancang dengan teliti untuk meningkatkan ekonomi domestik, penggunaan, membantu golongan kecil dalam mendapatkan kemudahan kredit yang lebih mudah serta menolong pihak yang terjejas akibat penularan wabak Sindrom Pernafasan Akut Yang Teruk (SARS).

Menurutnya, kerajaan mengambil langkah bagi memastikan "perbelanjaan mengikut kemampuan".

"Kalau kerajaan belanja dengan tidak bertanggungjawab, maka akhirnya kita akan menjadi negara yang terhutang kepada orang lain, mempunyai defisit yang terlalu tinggi dan hutang terlalu banyak, negara akan bankrap," katanya pada majlis perhimpunan Hari Pekerja 2003 bagi anggota sektor awam di sini, hari ini.

Dr Mahathir berkata: "Kerajaan tidak berbelanja yang bukan-bukan, kita belanja setakat yang mampu sahaja."

Walaupun pakej ekonomi yang diumumkan minggu lalu bernilai RM7.3 bilion, kerajaan hanya mengeluarkan RM1.7 bilion dan yang selebihnya sebanyak RM5.6 bilion datang dari pasaran.

Dr Mahathir juga mengingatkan para pekerja dan seterusnya rakyat Malaysia agar menjaga perbelanjaan mereka supaya tidak perlu mencari ceti haram.

Beliau berkata apabila kerajaan menyediakan bajet, peruntukan perlu dibuat untuk bayaran hutang.

Menyentuh mengenai gaji, beliau berkata selepas kemerdekaan, peratus kenaikan gaji golongan yang berpendapatan rendah adalah jauh lebih baik daripada peratus kenaikan gaji golongan yang berpendapatan tinggi.

Ini kerana, kerajaan mahu megurangkan jurang perbezaan golongan yang bergaji tinggi dan yang bergaji rendah, katanya.

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata, gaji tinggi yang tidak diringi oleh daya pengeluaran yang tinggi tidak akan membawa makna yang akhirnya menyebabkan penurunan nilai mata wang sekaligus memberi kesan kepada negara serta rakyat.

"Kalau gaji naik dan kuasa membeli tak naik, tidak bagus juga," katanya.

Sebelum ini, gaji terendah adalah RM25 tetapi sekarang telah meningkat kepada RM400 dan ini adalah baik, tambah beliau.

Tambahnya lagi, Di Malaysia kadang-kala membentangkan usul (permintaan) adalah tanpa mengira kemampuan pihak yang akan memberi.

"Apabila Indeks komposit (Bursa Saham Kuala Lumpur) turun dengan begitu mendadak banyak syarikat menghadapi masalah, banyak syarikat rugi," katanya.

Apabila syarikat tidak untung, ia tidak akan mampu membayar dividen tetapi di Malaysia pelabur tetap meminta dividen walaupun syarikat rugi, katanya.

"Kumpulan Wang Simpanan Pekerja umpamanya, kita nak bayar dividen tetapi pelaburan kita semua rugi, kita bayar setakat yang mampu sahajalah," katanya.

Pada tahun ini, KWSP hanya mengumumkan dividen sebanyak 4.25 peratus.

Dr Mahathir berkata kerugian syarikat bermakna ia akan mengurangkan pendapatan kerajaan dari segi pungutan cukai," kalau syarikat tidak untung

pendapatan kerajaan tidaklah meningkat seperti yang diharapkan."

Selain menggunakan cukai untuk membayar gaji atau upah pegawai kerajaan, wang tersebut juga digunakan untuk menyediakan kemudahan awam yang lain seperti sekolah dan jalan, kata Dr Mahathir.

Semasa sesi-soal jawab, Dr Mahathir diminta untuk mengurangkan cukai pendapatan kakitangan kerajaan, beliau berkata, cukai pendapatan pada masa kini telah dikurangkan dengan begitu banyak dari 45 peratus kepada 28 peratus.

Selain mengurangkan cukai, kerajaan juga telah menyediakan pelbagai elaun kepada kakitangan kerajaan, katanya.

Tambahnya lagi, pendapatan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) pada tahun lepas meningkat kepada RM44.9 billion bukan kerana cukai tinggi tetapi penguatkuasaan undang-undang telah dipertingkatkan.

Contohnya, pihak kastam telah banyak mempertingkatkan penguasaan.

"Kalau tak ada cukai langsung, kita tak boleh bayar gaji. Kerajaan perlu imbang dalam pengurangan cukai dan keperluan kerajaan," katanya.

Apabila ditanya tentang penswastan. Dr Mahathir berkata, idea penswastan adalah baik kerana ianya telah mengurangkan perbelanjaan kerajaan tetapi adakalanya ia tidak berjalan dengan lancar.

"Ada yang gagal ada yang berjaya, kita perlu ambil kira yang baik. Secara keseluruhannya kerajaan telah mendapat banyak keuntungan kerana penswastan."

Katanya, sebelum Telekom Malaysia diswastakan, peruntukan setahun untuknya adalah sebanyak RM100 hingga RM200 juta tetapi apabila diswastakan kerajaan pula yang mendapat dividen manakala masyarakat mendapat perkhidmatan yang baik.

"Dalam perkara Malaysia Airlines, Kerajaan terpaksa membelinya semula. Disebabkan peristiwa tidak dijangka seperti krisis 1997 dengan diikuti peristiwa 11 Sept," katanya. -- BERNAMA

SM/HK AHM